

# Merentas desa ke 7 SK Pantai sukses



**21 Jan 2016** – Seramai 450 murid mengikuti aktiviti merentas desa kali ke-7 sejauh empat kilometer yang bermula di Padang Majal Pancur Hitam, Kg Pohon Batu yang melibatkan murid tahun tiga hingga tahun enam. Majlis penutupan telah dirasmikan oleh Guru Besar SK Pantai, Mahani Hj Hussin. Menurut Mahani, aktiviti merentas desa merupakan acara tahunan yang diadakan sebagai acara pembukaan aktiviti unit kokurikulum sebelum kejohanan olahraga tahunan berlangsung.

“Antara objektif aktiviti dijalankan adalah untuk memupuk silaturahim di kalangan murid dan warga sekolah. Malah aktiviti seperti ini dapat membudayakan gaya hidup sihat dan dapat mencungkil bakat baharu di kalangan warga sekolah dalam olahraga”, katanya.

Majlis turut dihadiri oleh Penolong Kanan Pentadbiran Faridah Amit, Penolong Kanan Kokurikulum Abdul Kahar

Abdul Rahim, Penolong Kanan HEM Azlina Abdul Garip dan Penolong Pendidikan KHas Halifah Salim. Majlis Penutupan diakhiri dengan penyampaian pingat dan hamper kepada para pemenang.

Johan keseluruhan dimenangi oleh pasukan Rumah Merah, manakala naib johan dimenangi oleh Rumah Hijau dan tempat ketiga jatuh kepada pasukan Rumah Biru.

**Dipetik dari Utusan Borneo**